

**Tun M cadang tingkat satu bangunan dan rumah ditinggikan cegah banjir**  
**Astro Awani**  
**Januari 05, 2014**

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan agar tingkat satu bangunan dan rumah ditinggikan untuk mencegah dilanda banjir.

Beliau berkata, tingkat satu - lobi atau dewan masuk sesebuah bangunan perlu ditinggikan sekurang-kurangnya 12 kaki (3.6 meter) dari paras jalan raya, manakala dinding konkrit dibina di sekeliling bahagian bawah tingkat satu hingga ke tempat parkir di bahagian bawah bangunan.

Dalam tulisan terbaru beliau melalui blog [www.chedet.cc](http://www.chedet.cc), Dr. Mahathir juga mencadangkan agar tanjakan dibina dari jalan raya ke pintu masuk bangunan di tingkat satu dan satu tanjakan lagi dibina untuk membolehkan kenderaan turun ke parkir bertingkat.

Jalan raya akan bertukar menjadi seperti longkang apabila berlaku banjir akibat hujan atau air pasang. Ini akan membolehkan air banjir mengalir cepat ke dalam terusan atau sungai, sebaik sahaja air laut surut atau hujan berhenti," katanya.

Beliau berkata, di kawasan pantai timur yang sering dilanda banjir pada musim monsun, penyelesaian paling mudah ialah membina bangunan bertiang seperti rumah Melayu.

Tingkat satu sesebuah rumah perlu dibina lebih tinggi daripada paras tertinggi air banjir. Tiang yang menyokong rumah pula perlu kukuh dan ditanam dengan dalam. Konkrit perlu digunakan," katanya.

Bagi mengelak kenderaan ditenggelami air pada musim monsun, Dr. Mahathir mencadangkan agar tanjakan dibina bagi membolehkan kenderaan naik hingga ke tingkat satu.

Menurut beliau, kerajaan perlu berbelanja besar sebagai bantuan banjir dan melalui pembinaan rumah bertiang, wang ini boleh dijimatkan.

Sekurang-kurangnya, pada peringkat permulaan, sebahagian daripada wang yang dijimatkan ini boleh diguna untuk memberi subsidi kepada pembinaan tiang ini," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, sekiranya idea ini diterima, arkitek boleh mereka bentuk tiang yang kelihatan menarik dan pertandingan boleh diadakan untuk memilih reka bentuk rumah bertiang paling menarik.

Sekiranya kita tidak berbuat sesuatu, setiap tahun, beribu-ribu orang perlu dipindahkan dan ada yang akan kehilangan nyawa. Di samping itu, banyak wang perlu dibelanjakan untuk makanan, urusan pemindahan dan membaiki kerosakan akibat banjir," katanya.

Bulan lepas, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sarawak dilanda banjir berikutan hujan lebat berterusan dan limpahan air sungai di beberapa kawasan sehingga menyebabkan beribu-ribu penduduk terpaksa dipindahkan dan banyak harta benda, musnah.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source <http://www.astroawani.com/news/show/tun-m-cadang-tingkat-satu-bangunan-dan-rumah-ditinggikan-cegah-banjir-27865>